

Fadhil puas hati biar pun terkilan

BERITA HARIAN

M.S: 55

22/6/2022

Pelumba trek negara raih perak 1km ujian masa

Oleh Helmi Talkah
helmi.talkah@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pelumba trek negara, Muhammad Fadhil Zonis mengakui terkilan selepas tidak berjaya menepati sasaran peribadinya untuk membawa pulang pingat emas dalam acara 1 kilometer (km) ujian masa individu pada Kejohanan Berbasikal Asia (ACC), kelmarin.

Sebaliknya, pelumba berusia 25 tahun itu terpaksa akur dengan perak, sekali gus mengulangi pencapaiannya pada edisi dua tahun lalu di Korea Selatan.

Fadhil, berkata dia berhasrat untuk menghadihkan emas buat keluarganya selepas genap tiga tahun arwah bapanya, Mohd Zonis Mokhtar meninggal dunia akibat komplikasi buah pinggang pada 20 Jun 2019.

Bagaimanapun, dia tetap berpuas hati apabila dapat mempertahankan pingat dimenangi di Korea dengan kehadiran pemenang emas 2020, Andrey Chugay; wakil tuan rumah, Ronaldo Singh Laitonjam dan jaguh Jepun, Yuta Obara.

"Alhamdulillah saya dapat menghadihkan perak buat pasukan Malaysia walaupun saya meletakkan sasaran meraih emas dalam acara ini di ACC. Hasrat saya tidak kesampaian dan saya tewas kepada pelumba yang lebih baik," katanya.

Pemegang rekod kebangsaan



Fadhil (kiri) bersama Ronaldo meraikan kejayaan Obara (tengah) memenangi emas acara 1km ujian masa di New Delhi, kelmarin.

(Foto ihsan MSN)

acara 1km ujian masa itu, berkata pada masa sama dia juga berasa sangat letih selepas melalui dua perlumbaan intensiti tinggi sebelum itu bagi acara keirin dan pe-cut berpasukan.

"Ketika hendak turun memanasnakan badan semuanya berjalan lancar walaupun sebelum itu saya sedikit tertekan melihat kehadiran Chugay, pelumba tuan rumah (Ronaldo Singh Laitonjam) melakukan catatan yang baik dalam pe-cut berpasukan.

"Begitu juga dengan kehadiran Obara yang mempunyai catatan yang baik sejak di Kejohanan Dunia. Namun, saya sudah beriklan yang terbaik," katanya.

Emas acara itu dimenangi Obara yang mencatat masa 1 minit 01.118 saat (s) diikuti Fadhil (1:01.639s) dan Ronaldo ketiga (1:01.798s). Sebagai rekod, kali terakhir pelumba lelaki negara meraih emas dalam acara berkenaan ialah melalui Edrus Yunus pada 2012.